

Penyata Privasi Tambahan AIA Malaysia (Disember 2022)

Bahagian ini hanya berkenaan dengan anda jika anda bermastautin atau berada di negara China.

AIA Malaysia, termasuk AIA Bhd., AIA PUBLIC Takaful Bhd., AIA General Berhad, AIA Pension dan Asset Management Sdn. Bhd. dan AIA Health Services Sdn. Bhd., yang merupakan sebahagian daripada kumpulan syarikat AIA Group Limited (“**Kumpulan AIA**”) ialah pengawal data peribadi anda dan anda boleh menghubungi kami menerusi [Hubungi Kami | Nombor Khidmat Pelanggan | AIA Insurance Malaysia.](#)

Dengan mempersetujui Penyata Privasi yang termasuk Penyata Privasi Tambahan ini, data peribadi anda akan dikumpul, diakses, diproses, diguna, disimpan, dan/atau dipindah ke luar negara China. Jika anda tidak mempersetujui Penyata Privasi Tambahan ini, kami mungkin tidak dapat menyediakan produk yang anda kehendaki daripada kami dan menawarkan kepada anda perkhidmatan yang berkaitan dengan produk tersebut.

Di bawah undang-undang perlindungan data yang berkenaan di negara China, kami akan memproses data peribadi berdasarkan persetujuan anda, melainkan data peribadi anda:

- perlu untuk menyempurnakan atau melaksanakan kontrak di mana anda adalah salah satu daripada pihak dalam kontrak;
- perlu untuk kami memenuhi kewajipan di bawah undang-undang;
- perlu untuk bertindak balas terhadap kecemasan kesihatan awam;
- perlu untuk melindungi nyawa, kesihatan dan keselamatan harta benda individu;
- diproses dengan sewajarnya dalam pelaporan berita dan pemantauan pandangan umum untuk tujuan kepentingan awam; dan
- boleh didapati secara umum, kerana pendedahan anda secara sukarela atau keperluan di bawah undang-undang, dan diproses dengan sewajarnya.

Data peribadi tertentu yang kami kumpulkan mengenai anda adalah data peribadi sensitif seperti yang ditakrifkan di bawah undang-undang perlindungan data yang berkenaan di negara China (“Data Peribadi Sensitif”). Maklumat peribadi sensitif merujuk kepada data peribadi yang, apabila dibocorkan atau digunakan secara tidak sah, akan membawa kepada tindakan yang mencabuli hak individu atau membahayakan keselamatan peribadi atau harta benda, termasuk pengenalan biometrik, kepercayaan agama, identiti khusus, perubatan dan kesihatan, akaun kewangan, penjejakan lokasi peribadi dan maklumat lain tentang individu, dan juga maklumat peribadi-individu di bawah umur 14 tahun. Kami mengumpulkan data peribadi sensitif hanya untuk tujuan khusus, seperti tujuan yang kami nyatakan dalam Penyata Privasi.

Kami akan menyimpan data peribadi anda untuk tempoh yang diperlukan bagi memenuhi tujuan yang dinyatakan dalam Penyata Privasi dan Penyata Privasi Tambahan ini. Kriteria yang digunakan untuk menentukan tempoh simpanan kami termasuk salah satu daripada yang

berikut : selagi kami mempunyai hubungan berterusan dengan anda; seperti yang ditetapkan oleh kewajipan undang-undang yang kami perlu patuhi; dan seperti yang sepatutnya mengikut kedudukan undang-undang kami (dari segi had tempoh, litigasi, audit dan penyiasatan kawal selia yang berkenaan).

Kami juga boleh memberikan data peribadi anda kepada ejen, broker, syarikat insurans, penyedia perkhidmatan pihak ketiga, institusi perubatan seperti hospital, klinik perubatan dan kemudahan ujian makmal, syarikat induk, anak syarikat dan syarikat bersekutu, juruaudit, penasihat undang-undang, pelanggan korporat (termasuk syarikat ahli) yang mempunyai polisi insurans kumpulan dengan kami dan di bawah polisi di mana anda dan tanggungan anda menerima produk atau perkhidmatan insurans daripada kami, penasihat kewangan, penanggung insurans semula, pihak berkuasa kawal selia, bank, ejen penyelesaian pembayaran, penyedia perkhidmatan pembayaran pihak ketiga dan organisasi penyiasatan tuntutan (setiap satu “penerima”, secara bersama, “penerima-penerima”) untuk tujuan pentadbiran polisi insurans anda, akaun skim persaraan anda yang kami tadbir dan penyediaan produk dan perkhidmatan kepada anda. Senarai penerima data peribadi boleh didapati [di sini](#).

Penerima data peribadi anda boleh mengumpulkan dan memproses data peribadi dan mengembalikannya kepada kami untuk tujuan pentadbiran polisi insurans. Jenis data peribadi yang kami berikan kepada penerima termasuk dan tidak terhad kepada maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi, maklumat peribadi anda, rekod/maklumat kesihatan masa lepas anda dan maklumat kewangan anda. Kami boleh menghantar data peribadi anda menerusi kaedah elektronik atau cara penghantaran lain kepada penerima. Untuk mematuhi peraturan dan pengawalseliaan negara China, kami menggunakan pakai tahap keselamatan maksimum bagi mengawal, memproses dan memindahkan data peribadi anda dan Data Peribadi Sensitif anda. Kami juga menggunakan pakai dasar keselamatan kami sendiri untuk melindungi data peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda.

Di samping hak akses yang dinyatakan di atas, anda berhak untuk mendapatkan data peribadi anda yang disimpan oleh syarikat ahli AIA dibawah Kumpulan AIA dan hak untuk meminta kami memadamkan data peribadi tersebut dalam mana-mana keadaan berikut:

- tujuan untuk memproses data peribadi anda telah dicapai atau gagal dicapai, atau data peribadi anda tidak lagi diperlukan untuk mencapai tujuan tersebut;
- kami tidak lagi menyediakan produk atau perkhidmatan tersebut, atau tempoh penyimpanan telah luput;
- anda telah menarik balik persetujuan anda; dan
- kami telah melanggar undang-undang dan peraturan perlindungan data yang berkenaan.

Setakat mana yang tidak konsisten dengan peruntukan Penyata Privasi Tambahan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada definisi (contoh, maklumat peribadi sensitif), maka “China’s Cybersecurity Law, Personal Information Protection Law, Data Security Law”, langkah-langkah

pelaksanaannya dan undang-undang dan peraturan lain negara China berkaitan keselamatan siber dan perlindungan data akan diguna pakai.

Kami berhak untuk mengemas kini Penyata Privasi Tambahan ini dari masa ke masa dan akan memaklumkan kepada anda tentang pengemaskinian Penyata Privasi Tambahan dengan memaparkannya di laman web atau platform aplikasi kami (mengikut keadaan). Anda boleh menarik balik persetujuan anda kepada penggunaan data peribadi anda dengan menghubungi kami menerusi saluran hubungan yang ditetapkan dalam Penyata Privasi Tambahan ini. Jika anda menarik balik persetujuan anda kepada pemprosesan data peribadi, kami mungkin tidak dapat menyediakan produk dan/atau perkhidmatan yang berkaitan dengan anda.